



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS KHATAM AL-QURAN
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

**DI MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
JALAN TUANKU ABDUL HALIM (JALAN DUTA)
50480 KUALA LUMPUR**

21 FEBRUARI 2016 (AHAD)

Bismillah Hirrahman Nirrahim...

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

(*Senarai salutasi akan diselaraskan kemudian*)

Para wakil media,

YBhg. Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, dapat kita bersama-sama berhimpun di petang yang mulia ini bagi menjayakan Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Wilayah

Persekutuan bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.

2. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan penduduk dan seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang telah berjaya mengkhatamkan bacaan Al-Quran keseluruhannya.

Hadirin - Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

3. Bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini, buat julung-julung kalinya, Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan ini diadakan. Saya menyambut baik usaha Kementerian Wilayah Persekutuan menganjurkan program ini dalam memupuk kecintaan dan minat membaca Al-Quran yang juga merupakan salah satu usaha dalam menegakkan syiar Islam.
4. Dari Ibnu Abbas r.a., beliau mengatakan ada seseorang yang bertanya kepada Rasulullah saw. "Wahai Rasulullah, amalan apakah yang paling dicintai Allah?" Beliau menjawab, "Al-hal wal murtahal." Orang ini bertanya lagi, "Apa itu al-hal wal murtahal, wahai Rasulullah?" Beliau menjawab, "Yaitu yang membaca Al-Qur'an dari

awal hingga akhir. Setiap kali selesai ia mengulanginya lagi dari awal.” (HR. Tirmidzi).

5. Pada hari yang mulia ini kita berasa gembira dan berbesar hati kerana dapat meraikan seramai 1500 orang warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang telah berjaya Khatam Al-Quran di sini pada hari ini. Peserta Khatam Al-Quran ini adalah sangat bertuah kerana terpilih dari 12 Parlimen yang terdapat di seluruh Kuala Lumpur dan Putrajaya dari pelbagai lapisan masyarakat, khususnya masyarakat setempat, ahli kariah masjid, badan bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan amal dan pelajar-pelajar sekolah.
6. Alhamdulillah, hari ini secara rasminya kita semua telah pun berjaya menamatkan pembacaan 30 juzuk Al-Quran. Saya percaya, pengajuran majlis ini bukan sekadar untuk meraikan kejayaan dalam menamatkan pengajian membaca al-Quran, tetapi apa yang paling penting ialah mesej yang hendak disampaikan dan pengertiannya kepada kita. Penghayatan kepada isi kandungan ayat-ayat suci al-Quran juga akan memberi kita inspirasi dan galakan untuk lebih berusaha mendekatkan diri kepada Illahi dan menguasai segenap bidang ilmu pengetahuan.
7. Ini kerana Al-Quran banyak mengajak dan menyeru manusia untuk menimba dan memartabatkan ketinggian ilmu dalam kehidupan. Seperti ayat Al-Quran yang pertama diturunkan kepada manusia yang bermaksud;

“Bacalah, dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu lah yang Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”. (surah Al-Alaq: ayat 1 hingga 5)

8. Penguasaan ilmu pengetahuan merupakan teras bagi membentuk bangsa yang cemerlang dan berjaya, yang didasari oleh jati diri dengan ketinggian akhlak dan budi. Insan yang berilmu seperti ini akan dapat menguasai dan menguruskan alam, memanfaatkan segala nikmat kurniaan-Nya untuk kesejahteraan ummah.
9. Kitab suci Al-Quran atau kalam Allah diturunkan kepada Baginda Rasulullah SAW, melalui Malaikat Jibril AS secara berperingkat-peringkat selama 23 tahun. Kandungan Al-Quran itu merangkumi ayat-ayat yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia seperti mengatur cara hidup bermasyarakat, cara beribadat, pembahagian harta pusaka, urusan kekeluargaan, urusan pentadbiran dan pembangunan Negara, urusan pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Kesemua kandungan ini tetap menjadi sumber rujukan yang unggul dan abadi sehingga ke hari kiamat.
10. Sesungguhnya Al-Quran itu merupakan Kalam Allah yang Maha Bijaksana dan Perlembagaan-Nya yang Maha Adil dan Maha Mengasihani. Allah SWT telah menurunkan al-Quran dari langit sebagai rahmat dan petunjuk kepada manusia mencapai kecemerlangan di dunia dan di akhirat sebagaimana firman Allah:

"Kitab (Al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya, menjadi petunjuk bagi mereka yang bertakwa." (surah Al-Baqarah: ayat 2)

11. Seperti juga Khutbah Terakhir Nabi Muhammad SAW pada 9 Zulhijjah Tahun 10 Hijrah, di Lembah Uranah, Gunung 'Arafah:

"Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang sekiranya kamu berpegang teguh dan mengikuti kedua-duanya nescaya kamu tidak akan tersesat selama-lamanya. Itulah Al-Quran dan Sunnahku".

12. Dan banyak lagi Hadis-hadis Rasulullah SAW yang menyebut mengenai kepentingan dan kebesaran Al-Quran. Justeru, kita sebagai umat yang mengaku beriman kepada Allah SWT, mestilah menjadikan Al-Quran sebagai kitab bacaan dan rujukan utama dalam kehidupan. Menjadikan Al-Quran sebagai benteng kepada godaan dunia serta sentiasa memohon dilindungi Allah SWT. Oleh yang demikian, dalam kesibukan harian, kita hendaklah berusaha sedaya upaya meluangkan masa diri dan keluarga kita untuk mencari keredhaan Allah SWT melalui pembacaan Al-Quran.
13. Satu-satunya cara untuk menuju suatu kedamaian dalam hidup, dan untuk mendapatkan suatu kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT dan di atas muka bumi ini, maka hendaklah kita sama-sama kembali mengikuti seluruh petunjuk junjungan besar kita Muhamad SAW, di dalam membaca Al-Quran, memahaminya dan yang terpenting adalah mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari kita.

14. Dengan rasa ikhlas saya ingin berpesan, marilah kita menjadikan amalan membaca Al-Quran setiap hari sekurang-kurangnya satu ayat sehari dan mengikut kaedah yang betul bagi mengelak kesalahan pada makna sebenar. Mudah-mudahan kita semua mencapai kejayaan dalam menjadikan Al-Quran sebagai panduan dan pedoman hidup.

Hadirin - Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

15. Selaras dengan tema Hari Wilayah Persekutuan 2016 kali ini iaitu, Wilayah Ceria Komuniti Sejahtera, majlis seumpama ini juga wajar dijadikan sebagai platform bagi mencapai matlamat kita dalam mewujudkan masyarakat yang mempunyai budaya kehidupan ceria, gembira dan sejahtera. Diharapkan Majlis seperti ini dapat mengeratkan ukhuwah sesama kita dengan perasaan kasih sayang dan persaudaraan yang teguh dalam diri setiap individu kerana Al-Quran mengajak manusia supaya bersatupadu, berkeluarga dan mengukuhkan hubungan silaturrahim.
16. Jangan ada lagi permusuhan dan persengketaan yang wujud kerana setiap orang Islam adalah bersaudara yang cintakan kedamaian dan kesejahteraan.
17. Sesungguhnya keharmonian dan keamanan hidup bermasyarakat dan bernegara ini adalah salah satu nikmat Allah yang sangat besar yang dikurniakan kepada kita di negara tercinta ini.

18. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2016 terutamanya kepada penggerak utama Majlis ini iaitu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Pusat Khidmat Masyarakat Seputeh dan Pejabat Cawangan Seputeh DBKL, urus setia Kementerian Wilayah Persekutuan serta pengurusan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaku Tuan Rumah bagi majlis pada hari ini.
19. Jutaan terima kasih juga kepada individu-individu warga Wilayah Persekutuan yang sudi meluangkan masa dalam menjayakan dan menyertai Majlis Khatam Al Quran yang dianjurkan ini.
20. Tidak ketinggalan juga kepada para penaja yang menaja sumbangan Al-Quran dan rehal kepada para peserta. Ribuan terima kasih saya ucapkan, semoga Allah membala sedekah jariah yang diberikan, In Sha Allah. Saya berharap dengan semangat infak serta jariah ini dapat diteruskan pada program-program yang akan datang. Semoga usaha gigih yang telah ditunjukkan tidak terhenti di sini tetapi sentiasa ditingkatkan untuk memastikan Wilayah yang kita cintai ini terus ceria dan sejahtera.

21. Di kesempatan ini dengan kerendahan hati, saya bagi pihak urus setia yang terlibat mengambil kesempatan menyusun sepuluh jari memohon maaf zahir dan batin atas apa jua kesalahan mahupun kekhilafan yang telah dilakukan.
22. Saya juga mendoakan agar majlis ini dilimpahi keberkatan dan kerahmatan daripada Allah SWT. Teruskanlah bacaan kitab suci ini danjadikanlah ianya sebagai amalan kita setiap hari. Jadikanlah “perjuangan” pembacaan dan pembelajaran al-Quran ini sebagai titik tolak untuk mendalami ilmu-ilmuNya kerana masih banyak lagi ilmu yang perlu diterokai dan dikuasai dalam kitab suci ini.
23. **Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi.**
24. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.